

BAB KETIGA

KONSEP PENGGUNAAN

3.1 PENDAHULUAN

Kegiatan ekonomi bergerak mengikut matlamat-matlamat individu ekonomi yang telah ditetapkan. Walaupun pada zahirnya ada perbezaan antara seseorang individu dengan individu ekonomi yang lain, namun pada asasnya bermatlamatkan kesejahteraan. Ada individu ekonomi mementingkan kesejahteraan diri melalui pemaksimuman kepuasan serta keuntungan bagi pengguna dan pengeluar. Mereka bertindak mengikut kemampuan dan pertimbangan sendiri asalkan kehendak mereka dapat dipenuhi. Tidak dapat dinafikan bahawa ada juga pihak yang mementingkan kesejahteraan awam misalnya, pemerintah ia bertindak sebagai pengawal, pemandu dan penggalak supaya kesejahteraan individu dan awam dapat berjalan seiringan.

Walau bagaimanapun dalam sistem yang bersifat "*totally collectivised*" seperti sistem pasaran bebas kapitalis, pasaran tetap menjadi kunci utama dalam menentukan keperluan-keperluan dalam aspek penggunaan. Penggunaan pula berkait rapat dengan permintaan seperti juga pengeluaran dan penawaran. Pendorong utama kegiatan ekonomi seseorang pengguna ialah kehendaknya, sama ada untuk masa kini ataupun untuk masa depan.

Penggunaan bukan sahaja menggalakkan individu membelanjakan pendapatannya, tetapi ia juga mendorongnya untuk meningkatkan lagi pendapatan tersebut.¹

3.2 DEFINISI PENGGUNAAN

Penggunaan dari segi bahasa ialah guna atau pakai.² Sementara dari segi istilah ialah perlakuan mengguna barangan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan semasa.³ Konsep ini juga telah diutarakan oleh Donald W. Moffat sebagai, Penggunaan barangan dan perkhidmatan bagi memuaskan kehendak-kehendak pengguna. Hasil daripada penggunaan melahirkan nilai faedah atau utiliti.⁴

Dalam Islam, penggunaan atau '*istihlāq*' boleh dinyatakan sebagai '*itlāf_ain*', iaitu melenyapkan zat dan menghilangkan faedahnya, dengan erti mengguna pakai sesuatu benda atau barangan yang bolch memberi faedah bagi menghasilkan manfaat yang dikehendaki. Sebagai contohnya menggunakan air untuk minuman dan pengairan. Ianya akan habis tetapi menghasilkan faedah iaitu menjaga kehidupan dan memajukan pertanian. Jelasnya *itlāf* tidak menghasilkan manfaat tetapi '*istilāq*' menghasilkan manfaat.⁵

¹ Muḥammād Abd. Manān (1989), *Ekonomi Islam: Teori & Praktis*, Radiah Abd.Kadir(terj.), Kuala Lumpur: A.S Noordeen h. 77

² Hana Johanssen & G. Terry Page (1980), *International Dictionary of Management*. London : t. penerbit, h. 79. Lihat juga Jonathan Crowther (1995), *oxford Advanced Learner's Dictionary*, edisi ke 5. England : W & R Chambers Ltd. Edinburg, h. 248.

³ David W. Pearce (1983), *The Dictionary of Modern Economics*. London : The Macmillan Press Ltd., h. 81.

⁴ D. W. Moffat (1984), *Economics Dictionary*. USA : Elsevier Science Publishing Company Inc., h. 64.

⁵ Dr. Muḥammād Rawās Qal 'ahji (1991), *Mabāḥith fī al-Iqtisād al-Islām mī usūl al-Fiqḥiyyah*. Beirut : Darul al Nafā'is, h. 94.

Mengikut Dr. Muḥammād Abd. Mu'im Ghafār, penggunaan ialah menggunakan barangan dan perkhidmatan yang akan memenuhi keperluan-keperluan manusia dan citarasa mereka. Ianya mempunyai tujuan dan matlamat penting dalam kegiatan ekonomi.⁶ Pengertian penggunaan dari perspektif Islam tidak banyak perbezaan, sebaliknya falsafah syariah memberi kelainan dalam perjalanan aktiviti ekonomi dan matlamat yang akan dicapai.

3.3 Falsafah Penggunaan

Penggunaan dalam hierarki barangan dan perkhidmatan merupakan peringkat terakhir selepas aktiviti pengeluaran dan pengagihan. Aktiviti pengeluaran adalah semata-mata untuk tujuan penggunaan. Tanpa wujudnya penggunaan ke atas sesuatu barangan, tidak mungkin pengeluaran akan dilakukan. Beberapa falsafah penggunaan telah dibentuk untuk memberikan garis panduan kepada setiap individu ekonomi Islam, iaitu:-

3.3.1 Kemaslahatan

Keperluan manusia terhadap barangan dan perkhidmatan bukan semata-mata berasaskan kehendak yang tidak terbatas tetapi lebih kepada keperluan sebenar berasaskan masalah. Menurut Imam al- Syātibi, terdapat lima perkara yang paling asas yang mesti dijaga oleh setiap individu iaitu nyawa, agama, akal, harta dan keturunan. Semua barangan dan

⁶ Dr. Muḥammād Abd. Mun'im Ghafar (1985), *Iqtisād Islāmi*. Mekah : Universiti Ummul Qura, h. 106.

perkhidmatan mempunyai masalah untuk menjaga lima perkara tersebut, serta merupakan keperluan kepada manusia dan dianggap sebagai barangan perlu untuk penggunaan.⁷

3.3.2 Pemilikan

Penggunaan sesuatu barangan hanya boleh berlaku setelah berlakunya pemilikan, sebagaimana juga aktiviti pengeluaran boleh dijalankan setelah pengeluar mempunyai hak milikan ke atas sumber yang bakal diproses dalam pengeluaran, sebagaimana definisi pemilikan (*al milk*) di dalam Islam,

"Iaitu pengkhususan seseorang terhadap sesuatu benda yang memungkinkannya untuk bertindak hukum terhadap benda itu (sesuai dengan keinginannya), selama tidak ada halangan syarak."⁸

Ini bermaksud sesuatu harta yang dikhaskan kepada seseorang, ia berhak menguasai tanpa sebarang gangguan. Bebas mengeksploitasikannya selama tiada halangan syarak. Samalah kedudukan pengguna yang tidak mempunyai hak pemilikan untuk melaksanakan penggunaan sama ada untuk sendiri dan orang lain. Hak pemilikan juga tanda pengakuan Islam terhadap fitrah semulajadi manusia untuk memiliki harta dan ingin menggunakannya. Bahkan Islam juga menyediakan undang-undang untuk melindungi sesuatu pemilikan pengguna sebagaimana firman Allah:

⁷ Saiful Azhar Rosly (1986), "Pembangunan dan Perancangan", (*Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam*, Julai – Disember 1986. Petaling Jaya : Kulliyah Ekonomi UIA), h. 24.

⁸ Muḥammā d Abu Zahrah (1962), *al-Milkīyah Wa Nazariyah al-'Aqd fi al-Syari 'ah al-Islāmīyah*, Mesir : Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 15 – 16.

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَقْدِرُوا عَلَيْهِمْ فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Terjemahan: Kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkapnya, (mereka terlepas dari hukuman itu). Maka ketahuilah, bahwasanya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Sūrah al-Maidah (5) : 34.

Menerusi penjelasan ayat di atas, menggambarkan pengiktirafan hak milik bukan sekadar membenarkan pemilikan harta tetapi dilindungi dengan undang-undang Allah agar harta individu tidak dicrobahi sewenang-wenangnya.

3.3.3 Pengabdian

Penggunaan adalah aktiviti kehidupan yang tidak terlepas daripada rangka tujuan akhir kehidupan. Iaitu pengabdian diri kepada Allah s.w.t. Semua harta benda yang dimiliki oleh manusia serta penggunaannya akan menjadi persoalan di hari Akhirat. Ini berdasarkan maksud hadith Nabi s.a.w. :

Terjemahan: bagaimana kamu memperolchi hartamu dan bagaimana pula kamu membelanjakannya.

Sunan al-Tirmidhi, jilid 3, 1995, hal. 30.

Hadīth di atas menghuraikan kedudukan mencari harta dan ikatan menghambakan diri kepada Allah s.w.t. iaitu sejauhmana harta yang dimiliki dibelanjakan sewajarnya pada jalan yang direcai Allah s.w.t. Dengan ertikata lain, di hari akhirat nanti individu pengguna Muslim akan ditanya mengenai punca pendapatan, zat barangan dan perkhidmatan diprolchi sama ada secara halal atau haram di samping hala tuju perbelanjaan penggunaan tersebut dilakukan benar-benar menepati keredaan Allah s.w.t.

3.3.4 Amanah

Penggunaan adalah amanah Allah s.w.t, maka gelagat pengguna terbentuk dengan baik, serta mengawal kehendak yang tidak terbatat secara terpinpin berpandukan peraturan dan kawalan syarak. Ini bertujuan agar manusia dapat mengawal sifat dan sikap kehendak yang tidak terbatat berpandukan kepada peraturan Allah. Sebarang penyelewengan penggunaan adalah menyalahi kehendak Ilahi sebagai pemilik harta dan sumber-sumber yang dibekalkan kepadanya. Ini berdasarkan firman Allah:

وَاللَّهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَاللَّهُ
عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Terjemahan: Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya. Ia menciptakan apa jua yang dikehendakiNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Sūrah al-Maidah, (5) : 17.

3.4 PRINSIP-PRINSIP PENGGUNAAN.

Kepenggunaan dalam Islam perlu berpandukan kepada beberapa prinsip-prinsip berikut:⁹

3.4.1 Kebenaran /hak

Prinsip ini membenarkan manusia menggunakan hanya perkara-perkara yang mendapat keizinan dari Allah, baik daripada segi zat, cara, tujuan penggunaan tersebut. Arak, babi, barangan curi, barangan yang diperolehi yang diperolehi secara penipuan dan penindasan adalah tertegah dalam Islam. Begitu juga barangan halal akan menjadi haram apabila tujuan penggunaannya bukan kerana Allah, seperti penyembelihan yang bertujuan untuk menyembah dewa-dewa, jin, syaitan dan sebagainya. Maka arah kegunaan barangan tersebut bukan di atas dasar yang hak. Tujuan yang benar ataupun hak hanyalah kepada Allah.

3.4.2 Kebersihan dan Suci

Barangan yang digunakan mestilah bersih dan suci, baik, berguna dan sesuai untuk dimakan(jika barangan makanan). Barangan haram, kotor, bercampur najis, buruk atau busuk/basi adalah barangan yang memudharatkan dan tidak boleh digunakan atau dimakan. Begitu juga persediaan barangan atau makanan seperti bekas atau tangan yang digunakan untuk makan mestilah bersih dan suci daripada sebarang kekotoran atau najis.

⁹ M. A. Manan (1980), *Islamic Economics : Theory and Practice*. Lahore : Sh. Muhammad Asraf, h. 80

Malah lebih jauh daripada itu, keburukan barangan atau bekas barangan dan makanan juga dilihat kesannya kepada hati. Islam mengharamkan barangan kemas dan sutera bagi laki-laki seperti yang disabdakan oleh Nabi Muhammad s.a.w yang bermaksud :

Terjemahan: Kedua-dua ini sutera dan emas haram bagi laki-laki dari umatku (Terjemahan hadi Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

Begitu juga Rasulullah memberi amaran keras kepada sesiapa yang menggunakan bekas emas atau perak untuk makanan, seperti sabdanya yang bermaksud:

حَدِيثُ حَدِيثَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ :
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَشْرَبُوا فِي إِنَاءِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَلَا تَلْبَسُوا الدَّبَاجَ
وَالْحَرِيرَ فَإِنَّهُ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَهُوَ لَكُمْ فِي الْآخِرَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ❁

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang makan dan minum dengan bejana (bekas) emas dan perak, maka akan gemercik suara api neraka dalam perutnya

Terjemahan hadis : Riwayat Muslim.

3.4.3 Kesederhanaan

Islam menganjurkan penggunaan setakat tingkat yang minimum, supaya dapat mengawal dan menahan kehendak nafsu dan tidak berlebih-lebihan. Penjelasan ini digambarkan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Terjemahan: Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampau batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.

Sūrah al-Fur'qān (26): 67.

Rasulullah s.a.w juga turut bersabda yang bermaksud:

﴿ ۱۳۱۱ ﴾ حَدِيثُ أُمِّ سَلَمَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا :
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الَّذِي يَشْرَبُ فِي آيَةِ الْفِضَّةِ إِنَّمَا يُجَزَّ جُزٌّ فِي بَطْنِهِ نَارٌ
جَهَنَّمَ ﴿ ۱۳۱۱ ﴾

Terjemahan: Tiada satu pun dari harta benda kamu (harta dan pendapatan) menjadi kepunyaan kamu kecuali yang apa yang kamu makan dan gunakan, apa yang kamu gunakan untuk pakai dan apa yang kamu belanjakan untuk sedekah, pembalasan darinya akan disediakan untuk kamu.

Hadis riwayat Muslim dan Ahmad.

Penggunaan berlebihan adalah amalan yang dikeji kerana perbuatan ini merupakan *isrāf* (boros) dan *tabzīr*¹⁰. Islam menganjurkan penggunaan perbelanjaan yang sederhana dan seimbang yang terletak di antara keborosan dan kekikiran. Pertambahan pengeluaran dan pendapatan adalah tidak seharusnya digunakan untuk peningkatan penggunaan. Lebihan pendapatan selepas memenuhi keperluan minimum (*dḥaruriyyāt*) perlu dibelanjakan untuk infak *fi sabilillah*, bagi mambantu keluarga, jiran, fakir miskin, anak yatim, dan orang-orang dalam kesusahan yang perlukan pertolongan. Ini diperjelaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya:

وَأْتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا

Terjemahan: Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau.

Sūrah al-Israa' (17) : 26.

Begitu juga dengan sabda Nabi yang bermaksud :

Terjemahan: Barangsiapa melepaskan dari seseorang Muslim sesuatu kesusahan daripada kesusahan dunia, nescaya Allah akan lepaskan dia dari kesusahan akhirat, dan barangsiapa memberi kelonggaran kepada seseorang yang susah, nescaya Allah memberikan kelonggaran baginya di dunia dan di akhirat

Hadis riwayat Muslim.

¹⁰ *Isrāf* merupakan perbelanjaan secara berlebihan ke atas perkara-perkara yang halal, manakala *tabzīr* adalah perbelanjaan yang salah atau yang haram atau perbelanjaan yang membazir. Lihat Monzer Kahf (1978), *The Islamic Economy*. Plainfield Indiana : Muslim Students Association of US and Canada, h. 24-25.

Penekanan kepada penggunaan yang minimum mempunyai beberapa hikmah berikut:

- i) Berlebihan di dunia akan hanya melalaikan. Kekenyangan akan menjadikan banyak tidur, malas dan lemah fikiran.
- ii) Bagi tujuan masalahat generasi akan datang yang perlu dijamin survival dan penghidupannya.
- iii) Bagi merendahkan pusingan gantian barangan tahan lama, yang dengannya pertandingan bagi bahan mentah berada pada tingkat yang rendah, harga juga rendah.

3.4.4 Kemanfaatan Dan Kemaslahatan.

Segala anugerah Allah yang halal tidak salah untuk digunakan selagi ia boleh memberikan manfaat dalam bentuk ketahanan hidup (survival), pemulihan dan pembentukan kesihatan, serta kesempurnaan dalam usaha mengabdikan diri kepada Allah. Malah dalam keadaan darurat barangan yang haram pun dibolehkan, asal tidak keterlaluan. Ini selari dengan firman Allah:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ
فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Sūrah al-Baqarah (2) : 173

3.4.5 Kerohanian Dan Akhlak

Penggunaan mesti dapat memenuhi etika, adat kesopanan dan kelakuan yang terpuji dengan mengeneipkan sifat-sifat tercela. Sifat syukūr, zikīr, fikīr dan sabar perlu ada dalam masa penggunaan. Bersyukur dengan pemberian yang ada sambil memikirkan nasib mereka yang tidak mendapat peluang ini. Ingat kepada Allah yang memberikan kita kehidupan dengan melakukan sesuatu perbuatan dengan kalimah 'Bismillillah'. Sabar atas nikmat dan ujian yang Allah hadapkan, dan tidak gelojoh dalam penggunaan nikmat yang ada. Kepenggunaan mesti dapat meningkatkan nilai-nilai kerohanian dan akhlak.

3.5 KEPENTINGAN PENGGUNAAN

Kegiatan Penggunaan secara langsung dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi, terutama dalam sistem pasaran yang berasaskan perdagangan bebas. Iaitu menjadikan kajian mengenai tingkahlaku pengguna asas menentukan sifat permintaan dalam pasaran.

Ini kerana para pengguna merupakan unit terpenting ekonomi pasaran dalam membentuk kuasa permintaan serta menggerakkan mekanisme pasaran.¹¹

Kepentingan lain pula, melihat kepada hakikat kehendak manusia yang menjadi titik tolak kepada semua aktiviti ekonomi. Oleh itu apabila seseorang berusaha memenuhi kehendaknya, dia akan melibatkan diri dalam pengeluaran. Ini menggalakkan pertumbuhan ekonomi sesebuah masyarakat dan negara. Kualiti dan kuantiti barangan dan perkhidmatan yang dikehendaki itu akan membentuk corak pengeluaran.

Manakala penggunaan dalam ekonomi Islam pula mewujudkan beberapa kepentingan tertentu serta galakan pertumbuhan ekonomi di antaranya:

3.5.1 Bertepatan dengan kehendak Allah s.w.t.

Aktiviti penggunaan memenuhi kehendak semulajadi manusia yang sememangnya telah ditentukan oleh Allah. Ia memerlukan ketekunan bekerja dalam mengolah sumber kekayaan negara. Penghasilan yang banyak bukan sahaja memenuhi kehendak manusia tetapi menggalakkan juga pertumbuhan ekonomi. Ini bersesuaian dengan firman:

قَالَ رَبِّ بِمَا أَنْعَمْتَ عَلَيَّ فَلَنْ أَكُونَ ظَهِيرًا لِلْمُجْرِمِينَ

¹¹ Zakariah A. Rashid (1983), *Ekonomi Mikro-teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 58.

Terjemahan: Ia merayu lagi: "Wahai Tuhanku, demi nikmat-nikmat yang Engkau kurniakan kepadaku, (peliharalah daku) supaya aku tidak akan menjadi penyokong kepada golongan yang bersalah".

Sūrah al- Qasas (28) : 17.

Manusia berupaya membina kehidupan yang baik kalau meletakkan daya usaha sebagai asas kehidupan. Ini berdasarkan firman Allah:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya;

Sūrah al- Najm (53) : 39.

Maksud ayat di atas jelas menunjukkan bahawa sesuatu keperluan kehidupan akan diperolchi jika diikhtiar dan diusahakan.

3.5.2 Sederhana.

Penggunaan secara sederhana turut merangsangkan tabungan serta meningkatkan pengeluaran barangan kepada masyarakat. Ia mampu memenuhi permintaan orang kaya dan miskin dengan keperluan hidup yang munasabah pada masa sekarang dan akan datang.¹²

¹² Dr. Muḥammād Abdul Mun'im Ghafār (1985). *op.cit.*, hal. 106.

Ianya juga diperingatkan oleh Allah dalam firmanNya:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Terjemahan: Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.

Sūrah al Furqān (25) : 67.

Firman Allah s.w.t. di atas mengemukakan kaedah yang sewajarnya dalam menentukan bentuk perbelanjaan yang patut dilaksanakan oleh masyarakat.

3.5.3 Etika

Penggunaan Islam menentukan 3 set etika atau norma, iaitu :

- i) Mereka tidak menggunakan sumber untuk aktiviti haram seperti zina atau arak.¹³
- ii) Mereka diminta menunjukkan kesederhanaan dalam penggunaan dan dengan itu terhindarlah daripada perangai menunjuk-menunjuk atau sombong.¹⁴

¹³ Jomo K. Sundram (1996), *Alternatif Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur : DBP., h. 3.

¹⁴ M. Umar Chapra (1970), *The Economic System of Islam*. The Islamic Quarterly : (t. p), h. 152.

- iii) Menerusi kesederhanaan dalam penggunaan dapat menghapuskan masalah kekurangan akibat permintaan agregat serta mengelakkan berlakunya inflasi tarikan permintaan.¹⁵

3.5.4 Matlamat

Pengguna Muslim menentukan matlamatnya serta mengatur pilihan terhadap barangan dan perkhidmatan secara konsisten. Ia tersusun mengikut keutamaan seperti [$A \succ B$, $B \succ C$, $A \succ C$], di mana objektif atau matlamat pengguna tercapai apabila barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan berasaskan kehendak syarak.¹⁶

3.5.5 Sistemik

Penggunaan juga dapat menentukan agihan kekayaan negara secara sistemik berasaskan dasar syariah. Islam tidak menyetujui agihan samarata dalam agihan kekayaan. Iaitu kekayaan tidak tertumpu kepada segolongan kecil masyarakat tetapi terus menerus beredar dalam pemilikan awam, di samping pelbagai faktor pengeluaran mendapat hak sewajarnya. Ini berteraskan bentuk barangan yang menjadi keutamaan seperti *darūriyyāt*, *hajiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*.

¹⁵ Muhammad Abdul Ra'ūf (1979), *The Islamic Doctrine of Economics and Contemporary Economic Thought*. Washington DC : American Enterprise Institute, h. 146.

¹⁶ Saiful Azhar Rosly (1986), "Penggunaan" (Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, Julai-Disember 1986. Petaling Jaya, Selangor : Kulliyah Ekonomi UIA) h. 8.

3.6 KEDUDUKAN KEHENDAK DAN KEPERLUAN MANUSIA.

Dalam perbincangan ekonomi konvensional, kajian mengenai penggunaan biasanya dihubungkan dengan kehendak manusia. Bhende dan Fernando menulis bahawa:

“...kehendak manusia merupakan satu daripada perkara pokok dalam kehidupan ekonomi serta punca utama kepada semua kemajuan ekonomi.”¹⁷

Keterangan di atas jelas meletakkan kehendak manusia menjadi perkara asas dalam galakan kemajuan ekonomi penelitiannya dapat diterangkan tentang Pembentukan kehendak manusia.

Pembentukan kehendak manusia adalah lahir daripada naluri tabii, tanggungjawab sosial, pembangunan ekonomi dan kesan demonstrasi. Perinciannya ialah “kehendak manusia tercetus daripada faktor-faktor berikut: naluri tabii, tanggungjawab sosial, pembangunan ekonomi dan kesan demonstrasi”¹⁸. Perincian mengenai faktor-faktor di atas adalah seperti berikut:

3.6.1 Naluri tabii

Secara tabii seseorang bayi akan menangis bila lapar. Dia memerlukan pakaian bagi menutup badan dari kesejukan. Dia juga memerlukan tempat perlindungan. Ini merupakan

¹⁷ Bhende, Subhash & Fernando (1975), A.C. *Introduction to Economics*. Delhi : Vikas Publishing House Pvt. Ltd., h. 22.

¹⁸ Ibid, h.22

beberapa keperluan asas dalam kehidupan manusia dan manusia secara tabii memerlukan perkara-perkara ini untuk hidup. Kehendak manusia terhadap perkara-perkara ini adalah bercirikan keperluan biologi, yang berkaitan dengan keperluan naluri semulajadi manusia.

3.6.2 Jangkaan Sosial

Manusia hidup secara bersosial, perlakuan mereka menjadi pemerhatian masyarakat. Kadang-kadang seseorang akan berkelakuan seperti yang dijangkakan oleh masyarakat. Oleh itu kehendak juga dipengaruhi pendapat orang lain. Misalnya bila seseorang berjawatan tinggi, maka kehendak juga selari dengan andaian masyarakat yang menjangkakan beliau akan menggunakan kereta mewah dari jenis tertentu atau kediaman yang *standard*.

3.6.3 Pengiklanan

Pengiklanan juga berperanan mempromosikan barangan dan perkhidmatan di samping menarik permintaan terhadapnya. Ini mempertingkatkan kehendak manusia terhadap sesuatu barangan.

3.6.4 Pembangunan Ekonomi

Kehendak manusia mempunyai kaitan yang rapat dengan pembangunan ekonomi. Alfred Marshall menjelaskan:-

“Pembangunan ekonomi membentuk kehendak manusia tidak sahaja kepada kuantiti barangan yang lebih besar malah juga kepada kualiti barangan yang lebih baik. Dia juga berkehendakkan kepada pilihan barangan yang lebih banyak dan barangan yang dapat memenuhi kehendak baru yang tercetus selaras dengan pembangunan.”¹⁸

Hubungan antara pembangunan ekonomi dan pembentukan kehendak manusia dapat dilihat dalam satu pusingan yang berlarutan di mana manusia yang mahu lebih banyak kehendaknya dipenuhi akan bersedia pula untuk bekerja dengan lebih kuat serta memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi. Bila pengeluaran meningkat, pendapatan akan bertambah dan manusia itu akan berbelanja lebih daripada sebelumnya.

3.6.5 Kesan Demonstrasi

Manusia sentiasa terdedah kepada keadaan di sekelilingnya dan mereka akan terpengaruh dengan aktiviti penggunaan masyarakat setempat atau masyarakat di tempat-tempat lain. Kesan demonstrasi merujuk kepada sikap untuk memiliki apa yang orang lain miliki dan ini membawa kepada terciptanya kehendak dengan lebih banyak. Ini dapatlah dikatakan bahawa kehendak manusia terbentuk kerana pengaruh dalaman dan luaran manusia itu. Pengaruh dalaman adalah seperti faktor biologi yang mencetuskan kehendak serta

¹⁸ Alfred Marshall (1962), *Principles of Economics*, Eight Edition. London : The English Language Book Society and Macmillan & Co. Ltd., h. 73.

keperluan tabii manakala pengaruh luaran adalah seperti tanggungjawab sosial, pengiklanan, pembangunan ekonomi dan sebagainya.

Faktor-faktor yang mencetuskan kehendak manusia seperti yang dibincangkan di atas jelas menunjukkan bahawa manusia sentiasa terdedah kepada perkara-perkara yang membentuk kehendaknya samada kehendak itu didasarkan kepada keperluan sebenar atau sekadar mencetuskan keinginan untuk mengguna barang-barang tertentu. Dilihat dari perspektif Islam, sikap manusia yang sentiasa terdedah kepada sentimen perasaan semata-mata tanpa sebarang panduan yang jelas adalah tidak diterima. Meskipun faktor-faktor yang disebutkan mempunyai sumbangan dalam mencetuskan kehendak manusia, aqidah dan syariah memainkan peranan sebagai panduan dalaman dan luaran kepada pengguna muslim. Ini jelas berbeza dengan ekonomi konvensional yang menyerah sepenuhnya kehendak manusia yang dicetuskan oleh faktor-faktor di atas tanpa sebarang sandaran kepada panduan aqidah dan syariah.

3.7 CIRI-CIRI KEHENDAK MANUSIA.

Kehendak manusia menjadi titik tolak kepada semua aktiviti perekonomian. Kehendak-kehendak manusia ini memiliki banyak ciri-ciri yang berbeza. Teori penggunaan mempunyai perkaitan dengan ciri-ciri kehendak manusia seperti berikut :

3.7.1 Kehendak Manusia Tidak Terbatas

Ahli-ahli ekonomi konvensional ketika membicarakan perihal kehendak manusia dengan jelas menyebut bahawa kehendak manusia adalah tidak terhad. Berasaskan keadaan ini, apabila sesuatu kehendak itu dipenuhi, kehendak lain pula akan tercetus. Kitaran ini berterusan sedemikian rupa, sepertimana kata Dewett dan Varma “selagi manusia itu masih hidup, kehendaknya tidak ada batas dan terus berkembang.”¹⁹

3.7.2 Kehendak Manusia Boleh Dipenuhi

Meskipun pada keseluruhannya kehendak manusia adalah tidak terbatas, namun kehendak-kehendak tertentu adalah boleh dipenuhi asalkan seseorang itu mempunyai sumber (wang) bagi memenuhi kehendak tersebut. Misalnya, jika seseorang itu berkehendakkan sebuah kereta, dia boleh memilikinya jika dia mampu. Begitu juga jika dia lapar, dia membeli makanan untuk memuaskan kehendaknya itu. Dengan ini jelas, kehendak-kehendak tertentu boleh dipenuhi jika seseorang itu mempunyai wang yang mencukupi untuk tujuan tersebut.

¹⁹ Dewett, K. K (1978), *Modern Economic Theory*. Singapore : Choice Books Pte. Ltd., h. 48.

3.7.3 Kehendak Manusia Berulang-ulang

Masalah kehendak manusia hanya boleh dipuaskan secara sementara. Misalnya, jika kehendak itu dapat dipenuhi, kehendak lain pula akan wujud secara berulang-ulang. Ianya tidak terhenti selagi manusia masih memiliki pelbagai kehendak dalam kehidupan ini.

3.7.4 Kehendak Manusia Saling Melengkapi

Sesuatu komoditi jarang dapat memenuhi kehendak manusia secara tersendiri. Biasanya ia memerlukan perkara lain sebagai tambahan. Pengalaman hidup manusia menunjukkan biasanya barangan dikehendaki secara kumpulan kerana sifat barangan itu sendiri yang saling melengkapi.

3.7.5 Kehendak Bersifat Bersaing

Kehendak manusia biasanya mempunyai sifat bersaing kerana terdapat banyak alternatif dalam barangan dan perkhidmatan yang boleh memenuhi keperluan manusia. Dengan pendapatan yang terhad, misalnya RM10 seseorang itu mungkin hendak membeli makanan, buku, buah-buahan dan sebagainya. Di sini wujud persaingan antara kehendak-kehendak terhadap kesemua barangan di atas untuk memenuhi kepuasannya. Dalam hal

ini, pengguna tersebut akan membuat pilihan. Sekiranya lapar dia akan membeli makanan serta melepaskan kehendak untuk membeli buku atau yang lainnya.²⁰

3.7.6 Banyak Kehendak Bertukar Menjadi Tabiat

Sekiranya sesuatu kehendak itu selalu dipenuhi, kebiasaan ini boleh membentuk kehendak tersebut bertukar menjadi tabiat. Ini adalah kerana tabiat manusia terbentuk apabila manusia selalu memenuhi kehendaknya yang tertentu.

3.7.7 Kehendak Manusia Berubah-ubah.

Kehendak manusia dalam perkiraan ekonomi barat adalah berdasarkan tuntutan aspek biologi dan persekitaran manusia semata-mata. Ciri-ciri di atas adalah selaras dengan kedudukan manusia pada masyarakat barat yang untuk memenuhi keperluan jasad.

Berbeza dengan Islam, di mana persoalan kehendak adalah dititikberatkan tetapi berlandaskan syariat Allah s.w.t.. Malah berdasarkan satu hadis Nabi s.a.w, sememangnya manusia memiliki kehendak yang tidak terbatas. Imam Muslim meriwayatkan daripada Ibn Abbās R.A. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

*“Andaikata anak Adam mempunyai harta sebanyak dua lembah,
maka dia akan mengharapkan untuk mempunyai harta sebanyak*

²⁰ Ghafarullāhuddin Hj. Dīn (1995). *“Asas dan Konsep Ekonomi: Satu Perspektif Perbandingan Ekonomi Konvensional dan Islam”*, (Tesis Sarjana Fakulti Sains Sosial, USM). h. 230.

*tiga lembah demikianlah seterusnya. Tidak akan ada yang dapat memenuhi harapan anak Adam kecuali tanah dan Allah akan menerima taubat seorang yang bertaubat.*²¹

Selanjutnya Rasulullah s.a.w juga telah mempamerkan secara praktikal dengan sabda yang bermaksud:

*Tuhanku menawarkan kepadaku agar dijadikan bagiku lembah emas. Aku menjawab: Tidak Ya Tuhan, tetapi aku kenyang sehari dan lapar pada hari yang lain, atau apabila aku lapar, maka aku merendahkan diri di hadapanmu dan mengingatiMu, lalu apabila aku kenyang, maka aku mensyukuriMu, dan memujiMu.*²²

Hadith riwayat Imam Tirmidhi.

Ibnu Majah telah meriwayatkan sebuah hadith daripada Anas bin Malik R.A. bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda, yang bermaksud :

*“Sesungguhnya termasuk amalan israf (boros) jika kamu memakan setiap sesuatu yang kamu inginkan.”*²³

Ibnu Sa’ad dalam ‘*Kitab al –Tabaqat al Kabir*’ telah menceritakan dengan terperinci bagaimana Rasulullah s.a.w. menghayati corak hidup yang amat sederhana hingggakan ada laporan yang menunjukkan bahawa beliau tidak pernah kenyang dengan dua kali makan dalam sehari.²⁴

²¹ Al-Muslim (1986), *Sahih Muslim*, Jil. i-iv, Abd. Hamid Siddiqi(terj.). New Delhi : Kitab Bhavan, h. 500.

²² Al-Tirmidhi (1993), *Sunan al-Tirmidhi jil. 1-V*, Drs. H. Mohd Zuhri(terj.), Kuala Lumpur : Victory Agency, h. 6.

²³ Ibnu Majah (1993). *Sunan Ibnu Majah*, jil. 1-1V, H. Abdullah Shonhaji(terj.), Semarang : Penerbit CV al-Syifal, h. 157.

²⁴ Muhammad Ibnu Saad (1995), *Tabaqat al-Kabir*, jil. V111, Aisha Bewley(terj.) London : Ta-Ha Publishers, h. 471-483.

Imam al Tirmidhīy dalam *al-Shama'il al-Muhammadiyah*' melaporkan daripada Masruq r.a. bahawa 'Aishah r.a. telah berkata :-

"...Aku ingat suasana ketika Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam meninggalkan alam fana ini. Demi Allah, beliau tidak pernah kenyang dua kali dalam sehari dengan roti dan daging."²⁵

Imam al Suyūtiy dalam '*Tarikh al Khulafa*' R. A. ketika beliau menziarahi anaknya Abdullah bin 'Umar R.A telah bertanya "Daging apakah ini". Abdullah R.A telah berkata: "Aku amat teringin untuk memakan daging". Lantas Umar telah berkata: "Jadi, setiap kali kamu inginkan sesuatu, kamu mesti memakannya? Cukuplah bagi seseorang itu dengan sifat pembazirannya apabila memakan sebarang makanan setiap kali beliau menginginkannya."²⁶

Ḥādīth dan kisah yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa kehendak manusia dalam perspektif Islam adalah dikawal dan dikendalikan oleh tuntutan agama dan tidak dibiarkan bergerak bebas di bawah pengendalian nafsu manusia itu semata.

²⁵ Abu Isa Muḥammād bin Isa ibn (1994), *Sunan al Tirmidhīy*, Jilid 4. Beirut : Dar al Fikr, h. 159.

²⁶ Major H.S. Jarret (1980), *History of the Caliphs*. Karachi : (t.p.), h. 3.

3.8 KONSEP 'KEHENDAK' DAN 'KEPERLUAN' MANUSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Kehendak dalam ilmu ekonomi merujuk keperluan manusia. Ianya disertai dengan keinginan dan kuasa untuk memenuhi keperluan tersebut. Oleh itu keperluan yang berkesan ialah keperluan yang dapat dipenuhi, barulah dianggap kehendak.²⁷ Kehendak dan kepuasan menjadi asas utama dalam perjuangan ekonomi seseorang. Bahkan semua kekayaan berfungsi untuk memuaskan kehendak manusia. Kecintaan manusia yang berlebihan terhadap kekayaan membawa pelbagai kehendak yang tidak pernah berakhir.

Ekonomi Islam sepertimana ekonomi konvensional turut memberi perhatian kepada aspek tuntutan biologikal dan persekitaran manusia. Namun begitu ia meletakkan perbezaan yang jelas antara 'kehendak manusia' dan 'keperluan manusia'. Ini bererti tidak semua kehendak manusia diberi ruang untuk dipenuhi. Islam telah menetapkan keperluan mengikut keutamaan sama ada *darūriyyāt* (asas), *hajiyyāt* (keperluan kecekapan), *tahsinīyyāt* (kesenangan) atau *kamāliyyāt* (kemewahan).

Ini membezakan dengan lebih ketara lagi dalam ekonomi konvensional yang mengatakan kehendak manusia tidak terhad berbanding dengan sumber ekonomi yang terbatas, selarilah dengan ungkapan Leonard S. Silk:

²⁷ Afzalur al-Rahmān (1994), *Doktrin Ekonomi Islam jil.1* Mustafa Kasim(terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21.

“Ilmu ekonomi menganggap setiap sumber atau barangan menjadi berkurang apabila manusia tidak memperoleh sumber atau barang sebanyak yang dikehendaki”²⁸.

Pada realitinya kehendak manusia tidak selalunya membayangkan keperluan sebenar manusia. Dalam keadaan kebiasaan, kehendak manusia itu adalah tidak lebih dari keinginan nafsu.. Pada asasnya kehendak bukanlah keperluan utama atau dasar, oleh yang demikian adalah tidak adil untuk dikatakan sumber-sumber ekonomi adalah terhad semata-mata kerana kehendak manusia yang melampau-lampau. Sekiranya andaian yang terdapat di dalam ekonomi konvensional diterima maka jelaslah manusia meletakkan punca masalah ekonomi kerana sumber-sumber ekonomi adalah terhad. Sebaliknya, Al-Qur’ān dengan jelas menyatakan:

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُ شَرِيكٌ
فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ وَتَقْدِيرًا

Terjemahan: Tuhan yang menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu dalam pemerintahannya; dan Dia lah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna.

Sūrah al Furqān (25) : 2.

Dalam ayat yang lain, Allah s.w.t berfirman:

²⁸ Leonard S. Silk (1980), *Contemporary Economics : Principles and Issues* .USA : Mc Graw Hill , h. 9.

وَكَأَيِّن مِّن دَابَّةٍ لَّا تَحْمِلُ رِزْقَهَا اللَّهُ يَرْزُقُهَا وَإِيَّاكُمْ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Terjemahan: Dan (ingatlah) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu; dan Dia lah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Sūrah al- Ankabut (29) :60.

Ini jelas, ekonomi Islam menolak sama sekali andaian permasalahan ekonomi dikaitkan terhadapnya sumber-sumber ekonomi. Pokoknya persoalan istilah kehendak atau keinginan digambarkan sebagai keperluan dalam ekonomi konvensional. Richard G. Lipsey misalnya, dalam tulisan lebih banyak mengulang perkataan *keinginan (desire)* dan kehendak (*wants*). Perkataan keperluan (*needs*) jarang digunakan.²⁹

Alfred Marshall, sebagai salah seorang tokoh ekonomi yang awal turut menyebut dengan jelas bahawa:

*...ekonomi adalah berhubung dengan usaha-usaha manusia untuk memenuhi kehendaknya.*³⁰

²⁹ Richard G. Lipsey (1980), *An Introduction to Positive Economics*, edisi ke-5. London : Weidenfeld & Nicolson, h. 53.

³⁰ Alfred Marshall (1962), *Principles of Economics*, edisi ke-8. London : The English Language Book Society and MacMillan & Co. Ltd., h. 41.

Amasa Walker dalam *'The Science of Wealth – a Manual of Political Economy'*, ketika memberi gambaran tentang disiplin ekonomi yang dahulunya dikenali sebagai ekonomi politik menyatakan:

*"Ekonomi politik mengajar hubungan manusia terhadap perkara-perkara yang dikehendakinya. Perkara-perkara ini hanya boleh diperolehi melalui usahanya sendiri. Manusia mempunyai kehendak: dia perlu kepada makanan, pakaian dan tempat kediaman; dia juga berkehendakkan kepada banyak perkara yang tidak penting dalam hidupnya. Dalam perspektif ekonomi politik semua perkara-perkara ini membentuk kehendaknya."*³¹

Daripada perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa kegagalan mengawal kehendak manusia yang tidak terbatas itulah punca permasalahan sebenar ekonomi dan bukan kerana terhadnya sumber ekonomi.

3.9 MATLAMAT PENGGUNAAN DALAM ISLAM.

Perbincangan dalam bahagian ini jelas menunjukkan bahawa perbezaan antara ekonomi konvensional dan ekonomi Islam dalam penggunaan bertitiktolak dari pendekatan yang berbeza dalam memenuhi kehendak manusia. Oleh kerana penggunaan dalam Islam bersumberkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah, maka prinsip umum dalam penggunaan seseorang Muslim ialah mengguna hanya barang-barang baik dan halal dalam memenuhi

³¹ Amasa Walker (1874), *The Science of Wealth – a Manual of Political Economy*. New York : Kraus Reprint Co., h. 2.

keperluan masing-masing. Ayat al-Qur'an mengenai perkara ini misalnya, dapat dilihat dalam firman Allah berikut:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

Sūrah alBaqarah (2): 168.

Memandangkan ekonomi Islam memberi keutamaan kepada memenuhi keperluan manusia dan bukan kehendaknya, kedudukan ini mencetuskan prinsip kesederhanaan dalam penggunaan dengan membuka ruang penggunaan terhadap barang-barang yang memang diperlukan berdasarkan prioriti tahap-tahap keperluan dalam Islam iaitu *dharūriyyāt*, *Tahsīniyyāt* dan *Kamaliyyāt*. Disiplin sebegini akan memastikan pengguna Muslim sentiasa mengambil kira perkara-perkara yang penting mengikut hieraki keperluan sebenarnya di samping tidak mengabaikan keperluan orang lain terutamanya dalam merialisasikan tuntutan harta bagi kebajikan sosial yang lain.

Berdasarkan perbincangan di atas, matlamat perbelanjaan untuk penggunaan dalam ekonomi Islam boleh dirumuskan kepada dua tujuan, seperti yang dinyatakan oleh al-Qardāwī iaitu:³²

- i) Membelanjakan harta di jalan Allah s.w.t.
- ii) Membelanjakan harta untuk diri sendiri dan keluarga.

Al-Qardāwī dalam memperincikan perbincangan mengenai perbelanjaan harta di jalan Allāh s.w.t menyatakan bahawa dalam al-Quran, seruan berbelanja di jalan Allah s.w.t ini wujud dalam berbagai bentuk:³³

i) Berbentuk perintah. Mengenai seruan yang berbentuk perintah ini, antaranya boleh dilihat dalam al-Quran:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahan: Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) ugama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhi); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Sūrah al-Baqarah (2) : 195.

³² Dr. Yūsuf al Qaradāwī (1998), *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāq fi al-Iqtisād al-Islām*, Mufti Labib(terj.). Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 292.

³³ Ibid h. 292-298.

Perintah ini dinyatakan dalam Fiman Allah s.w.t.:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تُنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا
يَسْتَوِي مِنْكُمْ مَنْ أَنْفَقَ مِنْ قَبْلِ الْفَتْحِ وَقَتْلَ أَوْلِيَّتِكَ أَعْظَمُ دَرَجَةً مِّنَ
الَّذِينَ أَنْفَقُوا مِنْ بَعْدُ وَقَتْلُوا وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَىٰ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ
خَبِيرٌ

Terjemahan: Dan mengapa kamu tidak membelanjakan harta benda kamu pada jalan Allah? - Padahal Allah jualah yang mewarisi langit dan bumi (serta segala isinya). Tidaklah sama di antara kamu, orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sebelum kemenangan (Nabi menguasai Makkah). Mereka itu lebih besar darjatnya daripada orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sesudah itu. Dan tiap-tiap satu puak dari keduanya, Allah janjikan (balasan) yang sebaik-baiknya. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya akan apa yang kamu kerjakan.

Sūrah al-Ḥadīd (57) : 10.

- ii) Berbentuk galakan dengan menjanjikan ganjaran yang baik. Mengenai anjuran yang berbentuk galakan, antara boleh dilihat dalam sūrah firman Allah s.w.t.:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Terjemahan: Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.

Sūrah al- Baqarah (2): 261.

iii) Ancaman untuk mereka yang tidak membelanjakan harta di jalan Allah.

Antara ayat al-Quran yang berbentuk ancaman ini, bolch dilihat dalam firman Allah s.w.t.:

﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لِيَآكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيُضَدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ أَلَّذَهُبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli ugama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (ugama Islam).

Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Sūrah al-Taubah (9) : 34.

Dalam kaitan dengan petunjuk Islam berhubung dengan memberi nafkah untuk keluarga dan orang yang dalam tanggungan mestilah diberi keutamaan.

Daripada perbincangan berhubung dengan matlamat penggunaan ini, bolehlah dirumuskan bahawa Islam dengan jelas menggariskan bentuk perbelanjaan penggunaan yang akan memberi maanfaat bukan sahaja kepada pengguna yang terlibat malah manfaat itu turut dinikmati oleh anggota masyarakat yang lain. Aturan Islam terhadap aspek ini mestilah dengan mengambil kira bahawa perbelanjaan untuk kepentingan umum tidak menjejaskan perbelanjaan perseorangan terhadap kebajikan diri dan keluarganya.

3.10 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Penggunaan dari perspektif Islam merupakan aktiviti ekonomi yang mampu mewujudkan keseimbangan dalam sistem sosio-ekonomi masyarakat. Islam tidak semata-mata melayani kehendak-kehendak manusia yang tidak terbatas, namun menseimbangkan kehendak material dan spritual manusia secara adil. Langkah mengutamakan keperluan barangan dan perkhidmatan asas dalam pengeluaran dan pengagihan terlebih dahulu kepada semua lapisan masyarakat adalah praktikal. Rakyat

dapat meneruskan hidup sesempurna mungkin. Walaupun Islam membenarkan aspek keselesaan dan kualiti menerusi penggunaan barangan *tahsīniyyāt* dan *kamāliyyāt*. Itu pun setelah keperluan asas dapat diselesaikan. Inilah bentuk kesederhanaan Islam dalam aktiviti penggunaan tanpa condong kepada permintaan golongan kaya semata-mata tapi juga golongan miskin yang memiliki kuasa beli yang rendah.